



**ANUGERAH SANJUNGAN INDUSTRI 2017  
ANUGERAH KEPIMPINAN MASYARAKAT 2017**

**GARIS PANDUAN, KRITERIA & SYARAT PERMOHONAN**

**1) PENGENALAN**

Anugerah Sanjungan Industri (ASI) dan Anugerah Kepimpinan Masyarakat (AKM) mula diperkenalkan pada tahun 2011 dan penerima anugerah akan diumumkan pada Majlis Anugerah Sanggar Sanjung.

Anugerah ASI dan AKM USM diwujudkan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan staf Universiti yang cemerlang yang tidak pernah kenal erti penat lelah dalam memberi khidmat sumbangan yang berwibawa dan berkualiti dalam bidang industri dan masyarakat. Adalah juga menjadi hasrat Universiti untuk memberi insentif dan pengiktirafan bagi menggalakkan staf USM supaya terus memberi komitmen padu dalam kegiatan libatsama antara Universiti dengan Industri dan komuniti.

Pemenang ASI/AKM USM akan diberi penghormatan berkongsi pengalaman dalam program perkembangan profesional staf, kursus induksi dan sebagainya.

**Definisi Libatsama Universiti – Industri**

Penglibatsamaan universiti industri merupakan kluster perkongsian keserjanaan yang strategik antara warga universiti dengan industri. Kluster perkongsian keserjanaan menunjukkan peringkat persetujuan penglibatan sebenar, iltizam, sumbangan dan pemilikan oleh semua pemegang taruh yang berkepentingan. Perkongsian ini berkisar tentang pengoptimuman aktiviti penyelidikan, pembangunan profesional, dan keserjanaan untuk memenuhi keperluan kedua-dua pihak, iaitu universiti dan industri. Perkongsian ini memfokuskan pelaksanaan projek perintis yang terancang berdasarkan idea penyelidikan universiti untuk memenuhi keperluan sosial, ekonomi, pengetahuan dan kemahiran masyarakat dengan memaksimumkan sinergi usaha sama universiti dan industri. Hasil perkongsian ini dicerminkan menerusi program universiti demi melestarikan kerelevanan universiti dan industri ke arah pembangunan negara.

**Definisi Libatsama Universiti-Komuniti**

Libatsama komuniti merujuk kepada proses di mana organisasi dan individu membina perhubungan yang berterusan dan kekal serta mengaplikasikan suatu wawasan kolaboratif yang menguntungkan komuniti. Ianya merangkumi penyertaan daripada awal dengan mengenalpasti

isu, memobilisasi kemudahan yang berkaitan dan strategi yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti ke arah perubahan. Elemen libatsama, perkongsian, gabungan dan kelestarian adalah penting dalam memastikan kefungsi sosial dan kesejahteraan komuniti. Libatsama komuniti memerlukan penyertaan secara rela daripada semua pihak dalam menghasilkan pertukaran ilmu dan kemudahan untuk faedah bersama.

## 2) BENTUK ANUGERAH

Anugerah dan pengiktirafan yang diberikan adalah dalam bentuk berikut:

- a) Wang tunai sebanyak RM 2,000.00 kepada setiap pemenang.
- b) Sijil.
- c) Pemohon yang berjaya akan diraikan pada Majlis Anugerah Sanggar Sanjung 2017.
- d) Pemohon yang berjaya akan diberi penghormatan berkongsi pengalaman dalam program perkembangan profesional staf, kursus induksi dan sebagainya.

## 3) JENIS ANUGERAH

Sebanyak dua jenis anugerah diadakan iaitu Anugerah Sanjungan Industri dan Anugerah Kepimpinan Masyarakat. Bagi setiap anugerah ada dua pemenang seperti berikut:

BIL	JENIS	BILANGAN	CATATAN
1.	Sanjungan Industri	2	1 untuk staf akademik , 1 untuk staf bukan akademik
2.	Kepimpinan Masyarakat	2	1 untuk staf akademik , 1 untuk staf bukan akademik

## 4) SYARAT & PROSEDUR PERMOHONAN

- a) Hebahan mempelawa permohonan dibuka pada 15 Ogos 2018. Tarikh tutup permohonan ialah pada hari Jumaat, 7 September 2018 **selewat-lewatnya pada jam 5:00 petang**.
- b) Permohonan bagi Anugerah ASI/AKM ini terbuka kepada semua staf akademik dan dan staf bukan akademik USM.
- c) Permohonan adalah melalui borang permohonan yang disediakan dan perlu disahkan oleh Dekan/ Ketua Jabatan. *(Sila rujuk Borang Permohonan ASI dan AKM)*.
- d) Borang permohonan hendaklah dikemukakan lengkap dengan portfolio pemohon seperti berikut:-

### i. Anugerah Sanjungan Industri

- ❖ Butir Jayadiri (CV) dan bahan lain yang berkaitan.
- ❖ Ringkasan tentang sumbangan dan pencapaian (250 patah perkataan).
- ❖ Bahan bukti sumbangan dan pencapaian. Contoh: penyata geran, laporan teknikal, penerbitan, IP dan paten yang telah diperolehi.
- ❖ Sijil pendaftaran syarikat yang terlibat dalam kolaborasi dengan industri.(jika ada) (Salinan yang disahkan)
- ❖ Anugerah dan pengiktirafan yang diterima.
- ❖ Dokumen seperti Letter of Intent (LOI), MOU, MOA, NDA).
- ❖ Testimoni dari industri [tiga yang terbaik].
- ❖ Senarai projek libatsama industri

### ii. Anugerah Kepimpinan Masyarakat

- ❖ Butiran Jayadiri (CV) dan bahan lain yang berkaitan.
- ❖ Ringkasan tentang sumbangan dan pencapaian (250 patah perkataan).

- ❖ Bahan bukti aktiviti/projek/program yang dijalankan. Contoh: surat jemputan/tawaran menjalankan projek, aturcara program, laporan, gambar/video/CD, modul, latihan dan lain-lain.
  - ❖ Bahan bukti impak aktiviti/projek/program yang dijalankan. Contoh: testimoni ahli masyarakat, gambar/video/CD, ulasan/liputan dalam media massa, jurnal, dsb.
  - ❖ Maklumat geran/tajaan/sumbangan.
  - ❖ Maklumat perundingan (berbayar/tidak berbayar).
  - ❖ Bukti penerimaan anugerah/pengiktirafan lain. (Salinan yang disahkan)
- e) Semua bahan sokongan yang dikemukakan oleh pemohon tidak akan dikembalikan.
- f) Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- g) Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk kepada :-

**Timbalan Pendaftar,  
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat  
Aras 1, Bangunan Canselori II,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang.  
Email: [sar@usm.my](mailto:sar@usm.my),  
No Tel: 04-6536412.**

## 5) KRITERIA PENILAIAN

### I. Anugerah Sanjungan Industri

Kriteria penilaian merangkumi tujuh perkara berikut:-

#### A. Kepimpinan

- ❖ Mempamerkan visi untuk melaksanakan libatsama industri dan menjadi penghubung kepada warga USM.
- ❖ Mempamerkan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan projek libatsama universiti-industri yang boleh diukur, relevan, lestari, reflektif dan timbalbalik.
- ❖ Mampu memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan warga USM sebagai penasihat, mentor dan contoh teladan yang mempamerkan kemampuan positif dalam mempengaruhi orang lain untuk melaksanakan projek/aktiviti/program libatsama industri.
- ❖ Memantapkan komitmen universiti menerusi kecemerlangan kepimpinan dan integrasi amalan libatsama industri.
- ❖ Mampu melahirkan pemimpin baru dalam organisasi dan komuniti yang mahu terlibat dalam projek/aktiviti/program libatsama industri.
- ❖ Memimpin USM dalam projek/aktiviti CSR.
- ❖ Menerima pengiktirafan sebagai pemimpin bagi projek/aktiviti/program libatsama industri.

#### B. Impak Kepada Industri

- ❖ Projek/aktiviti/program adalah selari dengan visi/misi polisi libatsama Industri USM.
- ❖ Projek/aktiviti/program yang dilaksanakan dapat meningkatkan kapasiti dan kemampuan tertentu yang dikenalpasti oleh industri.
- ❖ Industri memperolehi manfaat yang disasarkan menerusi pelaksanaan projek/aktiviti/program yang dirancang.
- ❖ Mempamerkan elemen kelestarian dalam pelaksanaan projek/ aktiviti/program.
- ❖ Bilangan Paten/IPR/Teknologi yang dilesenkan kepada industri.
- ❖ Syarikat *spin-off* yang lestari.

### **C. Usahasama**

- ❖ Bilangan usahasama yang melibatkan industri SME, GLC/LLC atau MNC.
- ❖ Penyertaan dalam Industri/Badan Profesional.

### **D. Dana/Tajaan/Pembiayaan**

- ❖ Bilangan dan nilai projek libatsama universiti-industri yang dibiayai oleh USM.
- ❖ Bilangan dan nilai projek libatsama universiti-industri yang dibiayai oleh organisasi/agensi luar. Ini termasuk projek CSR yang ditaja oleh industri.
- ❖ Hadiah *Gifts & Endowment* yang diperolehi.

### **E. Perundingan**

- ❖ Jumlah nilai perundingan (berbayar/tidak berbayar).

### **F. Penerbitan**

- ❖ Jumlah laporan berkenaan dengan industri.
- ❖ Menunjukkan keserjanaan libatsama industri dalam penerbitan dalam jurnal/modul/kertas/pembentangan poster/artikel/buku yang relevan dengan industri.
- ❖ Pembangunan kursus/modul/program pengajaran dan latihan berkaitan libatsama industri.

### **G. Pengiktirafan**

- ❖ Pengiktirafan kepakaran dalam bidang libatsama industri.
- ❖ Anugerah diterima bagi KEPIMPINAN berasaskan industri.

## **II. Anugerah Kepimpinan Masyarakat**

Kriteria penilaian merangkumi tujuh perkara berikut:-

### **A. Kepimpinan**

- ❖ Mempamerkan visi untuk melaksanakan libatsama komuniti dan menjadi penghubung kepada warga USM.
- ❖ Mempamerkan kebolehan menunaikan hasrat dan peluang kepada golongan terpinggir dan terkecuali.
- ❖ Mempamerkan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan libatsama komuniti yang boleh diukur, relevan, lestari, reflektif dan timbalbalik.
- ❖ Mampu memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan warga USM sebagai penasihat, mentor dan contoh teladan yang mempamerkan kemampuan positif dalam mempengaruhi orang lain untuk melaksanakan projek/aktiviti/program libatsama komuniti.
- ❖ Menunjukkan teladan yang mampu memantapkan amalan keserjanaan libatsama komuniti di USM.
- ❖ Memantapkan komitmen universiti menerusi kecemerlangan kepimpinan dan integrasi amalan libatsama komuniti.
- ❖ Mampu melahirkan pemimpin baru dalam organisasi dan komuniti yang mahu terlibat dalam projek/aktiviti/program libatsama komuniti.
- ❖ Memimpin USM dalam projek CSR.
- ❖ Menerima pengiktirafan sebagai pemimpin bagi projek/aktiviti/program libatsama komuniti.

### **B. Impak Kepada Komuniti**

- ❖ Projek/aktiviti/program adalah selari dengan visi/misi polisi Libatsama komuniti USM.

- ❖ Projek/aktiviti/program yang dilaksanakan dapat meningkatkan kapasiti dan kemampuan tertentu yang dikenalpasti oleh komuniti.
- ❖ Komuniti memperolehi manfaat yang disasarkan menerusi pelaksanaan projek/aktiviti/program yang dirancang.
- ❖ Mempamerkan elemen kelestarian dalam pelaksanaan projek/aktiviti/ program.

### **C. Usahasama**

- ❖ Jumlah usaha sama yang melibatkan agensi tempatan dan antarabangsa.
- ❖ Penyertaan dalam NGO/Persatuan/Badan Kebajikan.
- ❖ Pemindahan/pertukaran ilmu dan kepakaran menerusi projek/aktiviti/program yang dilaksanakan.

### **D. Dana/Tajaan/Pembiayaan**

- ❖ Jumlah dan nilai projek libatsama komuniti-universiti daripada BJIM dan PTJ, USM.
- ❖ Pembiayaan daripada agensi berkaitan untuk projek/aktiviti libatsama universiti-komuniti.
- ❖ Hadiah/biasiswa/ derma berbentuk tunai dan sumbangan daripada agensi berkaitan untuk projek/aktiviti /program libatsama universiti-komuniti.

### **E. Perundingan**

- ❖ Perundingan bagi setiap projek libatsama komuniti (Universiti/Sekolah/ Peribadi).

### **F. Penerbitan**

- ❖ Jumlah laporan/penerbitan berkaitan dengan libatsama komuniti.
- ❖ Perkembangan kursus/modul/program pengajaran dan latihan berkaitan libatsama komuniti.

### **G. Pengiktirafan**

- ❖ Pengiktirafan kepakaran dalam bidang libatsama komuniti.
- ❖ Anugerah diterima bagi KEPIMPINAN komuniti.

## **6) PROSEDUR PEMILIHAN PEMOHON**

Terdapat dua peringkat pemilihan. Peringkat pertama ialah pemilihan oleh PTJ. Setiap PTJ boleh mengemukakan bilangan maksimum 4 pemohon (2 pemohon untuk ASI dan 2 pemohon untuk AKM).

Peringkat kedua ialah penilaian oleh **Jawatankuasa Penilai Anugerah Sanjungan ASI DAN AKM.**

### **I. Jawatankuasa ASI:**

- ❖ Pengerusi
- ❖ Pengarah Jaringan Industri
- ❖ Mantan Pemenang ASI
- ❖ 2 orang Penilai Luar
- ❖ Setiausaha

### **II. Jawatankuasa AKM:**

- ❖ Pengerusi
- ❖ Pengarah Jaringan Komuniti
- ❖ Mantan Pemenang AKM
- ❖ 2 orang Penilai Luar
- ❖ Setiausaha

Jawatankuasa ini akan meneliti dan menilai semua permohonan bersama dengan semua bahan bukti termasuk portfolio.

## 7) PENUTUP

Keputusan jawatankuasa penilai ASI dan AKM adalah **MUKTAMAD** dan akan dimaklumkan kepada pemenang dan Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan PTJ.